

## **PEMBUBARAN PERKAHWINAN KERANA MENGAHWINI WANITA DALAM IDDAH OLEH MAHKAMAH TINGGI SYARIAH KUALA TERENGGANU**

**Basri Ibrahim\***  
**Syed Mohd Azmi Syed Abd Rahman\*\***

### **ABSTRACT**

*Islam promotes marriage and it is one of Prophet Muhammad's sunnah. Unless allowed according to syarak, not all Muslim woman can be married. Among of them are those whom still bound to *ṭalāq rajīt* iddah waiting period. A marriage that overrule this term is fasid marriage and is not legal. This article is to focus debates among Moslem scholars related to dissolution of marriage of a couple in Syariah High Court, Kuala Terengganu. Reason being is that to marry Muslim woman that is still bound to *ṭalāq rajīt* iddah waiting period is not allowed. Special focus on judgement done by Chief Judge, State Syariah Court of Terengganu, in regard to Nor Radhiah Bin Ramli vs Aziz Bin Osman case. The dissolution of marriage by Syariah Hight Court is base on existing enactment which follows al-Shāfi'ī path.*

**Keywords:** family institutions, *ṭalāq bā'in* (*bā'in* divorce), *ṭalāq rajīt* (*rajīt* divorce), *iddah* (waiting period).

---

\* Senior Lecturer, Department of Syariah, Faculty of Islamic Contemporary Studies, Darul Iman University of Malaysia, basri@udm.edu.my.

\*\* Lecturer, Department of Syariah, Faculty of Islamic Contemporary Studies, Darul Iman University of Malaysia, smazmi@udm.edu.my.

## PENDAHULUAN

Islam membenarkan seseorang lelaki berkahwin dengan mana-mana wanita, baik yang masih dara maupun yang telah janda, yang diingininya asalkan beragama Islam atau ahli kitab. Wanita yang dibenarkan berkahwin dengannya itu pula tidak berada dalam iddah *talāq rajī*, kerana jika berada dalam iddah tersebut, dari segi hukumnya dia masih berada dalam bidangkuasa suaminya dan suaminya boleh merujuk semula bila-bila masa dikehendakinya asalkan belum berakhir iddah. Berkahwin dengan wanita yang masih dalam iddah isteri orang itu, sama dengan berkahwin dengan wanita yang masih menjadi isteri orang, yang diharamkan oleh Islam. Kes-kes perkahwinan dengan wanita yang masih dalam iddah suami terdahulu, pernah berlaku di negara kita khususnya di negeri Terengganu dan berjaya diselesaikan oleh Mahkamah Syariah Kuala Terengganu. Artikel ini akan membahaskan tajuk pembubaran perkahwinan kerana mengahwini wanita yang masih dalam iddah suami terdahulu oleh Mahkamah Syariah Kuala Terengganu.

Antara soalan yang timbul ialah apakah kategori perkahwinan dalam Islam dan bagaimanakah prosedur yang dilakukan oleh Mahkamah Syariah Kuala Terengganau dalam menyelesaikan kes yang berkaitan dengan perkahwinan seorang lelaki dengan perempuan yang masih berada dalam iddah suaminya?

Isu-isu berkaitan dengan perceraian dan pembubaran perkahwinan telah banyak disentuh dalam kitab-kitab fiqh seperti Wahbah al-Zuhaylī dalam *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuhu* (1984), Muṣṭafā al-Khīn dan rakan-rakan dalam *al-Fiqh Manhajī 'Ala Madhab al-Imām al-Shāfi'ī* (1987) dan lain-lain. Perbahasan tentang pembubaran perkahwinan yang dilakukan oleh Mahkamah Syariah Kuala Terengganu juga pernah dibuat. Misalnya pembubaran Perkahwinan Menurut Fiqh Dan Undang-undang Keluarga: Satu kajian Kes Di Kuala Terengganu oleh Saleh bin Ismail (1985) dan Penceraihan Dalam Islam Dan Pelaksanaannya Oleh Mahkamah Syariah Negeri Terengganu oleh Basri bin Ibrahim (1994). Walau bagaimanapun perbahasan secara spesifik tentang pembubaran perkahwinan kerana kes seorang lelaki berkahwin dengan seorang wanita yang masih dalam iddah suami terdahulu belum jarang-jarang dibuat. Dalam kedua-dua tesis di atas tumpuan perbahasan adalah kepada kedudukan hukum pembubaran perkahwinan dalam Islam dan perbandingannya dengan Enakmen undang-undang keluarga Islam di negeri Terengganu. Data-data di dalam penulisan ini diperolehi daripada kajian dokumentasi terhadap kitab-kitab fiqh dan hadis muktabar berkaitan dengan pembubaran perkahwinan kerana mengahwini wanita yang masih berada dalam iddah suami terdahulu, rekod Mahkamah Syariah kuala Terengganu dan juga temu bual dengan Hakim Syarī dan Pendaftar Mahkamah Syariah Kuala Terengganu.

## DEFINISI PERKAHWINAN

Dalam Islam, perkahwinan merupakan akad atau kontrak yang mengandungi keharusan pergaulan (persetubuhan) antara suami dan isteri dengan menggunakan lafaz nikah atau kahwin atau terjemahannya.<sup>1</sup> Dengan kontrak ini, bermula proses pembentukan keluarga dan daripada pembentukan keluarga akan membentuk pula masyarakat dan negara.

### Galakan Berkahwin

Islam menggalakkan kaum lelaki dari kalangan umatnya yang mempunyai kemampuan supaya berkahwin, kerana dengan berkahwin bukan sahaja menyahut seruan Allah, malah menyelamatkan diri daripada gejala negatif seperti berdua-duaan di tempat sunyi, zina, pergaulan bebas dan sebagainya. Firman Allah S.W.T:

فَإِنْ كُحْوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مُتْنَى وَثُلَاثَ وَرُبَاعَ فَإِنْ خَفْتُمْ أَلَا تَعْدِلُوا  
فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَدْنَى أَلَا تَعُولُوا

*“Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman”.*

(Surah al-Nisā’, 4: 3)

Dalam ayat di atas, Allah S.W.T menggesa orang-orang Islam supaya berkahwin. Bagi yang mempunyai kemampuan harus berkahwin dengan dua, tiga atau empat orang isteri tetapi jika tidak mampu, berpada dengan seorang sahaja. Sabda Rasulullah S.A.W dalam sebuah hadis yang diriwayatkan menerusi ‘Alqamah r.a:

يَا مُعْشِرَ الشَّبَابِ مَنْ أَسْطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلِيَزْوَجْ فَإِنْهُ أَغْضَلَ لِلْبَصَرِ  
وَأَحْصَنَ لِلْفَرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصُّومِ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءَ

<sup>1</sup> Al-Bājūrī, Ibrāhīm (t.t), *Hāshiyah al-Bājuri ‘Ala ibn Qāsim al-Ghizzī*, j. 2, Indonesia: Maktabah Dahlan, h. 91.

*“Wahai para pemuda, sesiapa di kalangan anda yang mampu berkahwin, hendaklah berkahwin, kerana dengan berkahwin dapat menjaga pandangan mata dan kehormatan diri. Sesiapa yang tidak mampu hendaklah berpuasa, kerana puasa itu menjadi benteng kepadanya”.*<sup>2</sup>

Hadis di atas menggesa orang-orang Islam yang mempunyai kemampuan iaitu yang memiliki nafkah dan kemampuan untuk melakukan persetubuhan supaya berkahwin, kerana dengan berkahwin memelihara pandangan mata dan menjaga kehormatan diri mereka. Tetapi bagi yang tidak memiliki kemampuan, hendaklah berpuasa, kerana puasa bertindak sebagai benteng yang boleh menahan nafsunya dari terlibat dengan perkara-perkara negatif.

### **Objektif Perkahwinan**

Di antara objektif utama yang ingin dicapai oleh Islam dari pensyariatan perkahwinan ialah:

- a. Mewujudkan satu umat yang kuat. Kekuatan ini bermula daripada pembentukan sistem kekeluargaan yang utuh dan padu. Selain daripada itu ia juga merupakan asas utama kepada pembentukan masyarakat cemerlang.<sup>3</sup>
- b. Mengelakkan generasi manusia melalui proses kelahiran yang berdasarkan kepada perkahwinan yang sesuai dengan tuntutan syarak dan naluri kemanusiaan.<sup>4</sup>
- c. Memelihara kehormatan suami isteri dari tercemar melalui persetubuhan yang sesuai dengan naluri kemanusiaan.<sup>5</sup>
- d. Mewujudkan kerjasama antara suami isteri dalam mendidik dan menjaga keturunan mereka dengan cara yang baik.<sup>6</sup>
- e. Memelihara spiritual, mental, agama dan juga harta benda seseorang.<sup>7</sup>

<sup>2</sup> Muslim, Muslim bin Hajjāj al-Naysabūrī (2004), *Šaḥīḥ Muslim*, “Kitāb al-Nikāh”, no hadis 1400, Bayrut: Dār al-Fikr Lī al-Nashr wa al-Ṭibā‘ah, h. 651.

<sup>3</sup> Maḥmūd Shaltūt (t.t), *al-Islām Sharī‘atan Wa ‘Aqīdatan*, al-Qāhirah: Dār al-Qalam, h. 15.

<sup>4</sup> Al-Jazā’irī, Abū Bakr Jābir (1978), *Minhāj al-Muslim*, Iskandariyyah: Dār ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, h. 372.

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> Al-Sayyīd Sābiq (t.t), *Fiqh al-Sunnah*, j. 3, al-Qāhirah: Dār al-Turāth al-‘Arabī, h. 10.

- f. Menggalakkan ibadah kepada umat Islam, kerana setiap suapan makanan yang diberikan oleh seorang suami kepada isterinya dengan ikhlas, dikira ibadah.<sup>8</sup> Begitu juga dengan persetubuhan dan aktiviti-aktiviti lain.
- g. Menghidupkan sunnah Rasulullah S.A.W, kerana dengan perkahwinan dan beranak pinak akan bertambah ramai jumlah umat Islam yang akan menjadi kebanggaan baginda S.A.W pada hari kiamat kelak.<sup>9</sup>

## KATEGORI PERKAHWINAN

Perkahwinan dapat dibahagikan kepada dua bentuk iaitu yang sah dan yang tidak sah. Perkahwinan yang sah ialah perkahwinan yang melengkap rukun-rukunnya iaitu lafaz ijāh dan qabūl, isteri, suami, wali dan dua orang saksi.<sup>10</sup> Perkahwinan yang sah adalah perkahwinan yang memenuhi segala rukun dan syarat perkahwinan. Bagi perkahwinan yang sah ia mempunyai 2 kesan bagi semua perkara yang berkaitan dengan suami isteri seperti mas kahwin (mahar), naflkah untuk isteri, nasab terhadap anak yang dilahirkan juga mempunyai kesan terhadap pengharaman persemendaan (pengharaman perkahwinan disebabkan wujud kaitan perkahwinan).

Satu bentuk perkahwinan yang tidak sah ialah perkahwinan *fāsid* iaitu perkahwinan yang tidak memiliki salah satu daripada syarat yang dinyatakan di atas atau melibatkan situasi yang tidak dibenarkan syarak seperti dalam ihram dan sebagainya. Menurut ulama mazhab al-Shāfi‘ī perkahwinan *fāsid* sama juga dengan perkahwinan yang batil dari segi tidak dikenakan apa-apa kesan, sebagaimana yang dikenakan ke atas perkahwinan yang sah. Pihak yang terlibat dengannya tidak dikenakan membayar mahar, mengeluarkan naflkah, tidak berlaku pengharaman kekeluargaan, tidak sabit keturunan dan tidak dikenakan iddah.<sup>11</sup>

<sup>8</sup> Muhammad Ali Qutb (1988), *Mutiara Perkahwinan*, Taib Azamudin (terj.) Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abd Majid, hh. 74,75 dan 78.

<sup>9</sup> Basri bin Ibrahim (1997), *Pemantapan Sistem Kekeluargaan*, Kuala Lumpur: Darul Nukman, h. 10.

<sup>10</sup> Al-Sharbīnī, Muḥammad Ḫaṭīb (t.t) *Mughnī al-Muḥtāj Ilā Ma‘rifah Ma‘āni Alfāz al-Minhā*, j. 3, Dār al-Fikr, h. 139.

<sup>11</sup> Al-Sharqāwī, ‘Abd Allāh bin Hijāz bin Ibrahim (t.t), *Hāshiyah al-Sharqāwī*, j. 2, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 233.

## Kedudukan Calon Isteri

Calon isteri yang hendak dikahwini oleh seseorang lelaki hendaklah disyaratkan tidak mempunyai halangan berikut:

- Halangan-halangan perkahwinan yang ada kaitan dengan hubungan kekerabatan, kekeluargaan atau penyusuan.

Dalam perkara yang berkaitan dengan hubungan kekeluargaan misalnya ulama sepakat ada empat golongan yang diharamkan berkahwin dengan mereka iaitu isteri bapa (ibu tiri), ibu isteri (ibu mertua), isteri anak lelaki (menantu perempuan) dan anak-anak perempuan isteri,<sup>12</sup> yang ibunya dikahwini oleh yang terlibat dan telahpun menyetubuhinya. Ini sesuai dengan firman Allah S.W.T:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخْوَاتُكُمْ وَعَمَّاتُكُمْ وَخَالاتُكُمْ وَبَنَاتُ  
الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأُخْتِ وَأُمَّهَاتُكُمُ الْلَّا تِي أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخْوَاتُكُمْ مِنَ الرَّضَاعَةِ  
وَأُمَّهَاتُ نِسَائِكُمْ وَرَبَّاتُكُمُ الْلَّا تِي فِي حُجُورِكُمْ مِنْ نِسَائِكُمُ الْلَّا تِي دَخَلْتُمْ  
بَيْنَ فِإِنْ لَمْ تَكُونُوا دَخَلْتُمْ بَيْنَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ وَحَلَالٌ أَبْنَائُكُمُ الَّذِينَ  
مِنْ أَصْلَابِكُمْ وَأَنْ تَجْمِعُوا بَيْنَ الْأَخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا

رَحِيمًا

*“Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut): ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan, dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu, dan ibu-ibu isteri kamu, dan anak-anak tiri yang dalam pemuliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah campuri; tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telahpun menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya). Dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu. Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah*

<sup>12</sup> ‘Abd al-Rahmān (1986), *al-Mufid Fī al-Fiqh al-Islāmī Aḥkām al-Zawāj*, al-Qāhirah: Dār al-Ṭibā’ah al-Muḥammadiyyah, h. 107.

Pembubaran Perkahwinan Kerana Mengahwini Wanita Dalam Iddah  
Oleh Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu

*berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.*

(Surah al-Nisā’ , 4: 23)

Jika berlaku perkahwinan dengan golongan ini, Mahkamah Syariah boleh membubarkan perkahwinan yang terlibat. Bukan sahaja berkahwin malah kalau berlaku persetubuhan syubhab antara seorang lelaki dengan ibu tirinya atau isteri anaknya atau anak perempuan isterinya atau ibu mertuanya, terbubar perkahwinan sedia ada dengan isterinya.

Berhubung dengan larangan berkahwin dengan perempuan yang ada hubungan dengan susuan, mereka termasuk ibu susuan, saudara perempuan susuan, anak perempuan saudara lelaki susuan, anak perempuan saudara perempuan susuan, ibu saudara susuan sebelah bapa, ibu saudara susuan sebelah ibu dan anak perempuan susuan.<sup>13</sup> Firman Allah S.W.T.

*وَأَمَّهَاتُكُمُ اللَّاتِي أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخْوَاتُكُمْ مِنَ الرَّضَاعَةِ*

*“dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu”*

(Surah al-Nisā’ , 4: 23)

Berhubung dengan larangan berkahwin dengan wanita yang ada hubungan kekerabatan, antaranya ialah berkahwin dengan dua orang wanita yang ada hubungan mahram. Ulama sepakat tidak harus kepada seseorang lelaki berkahwin dengan dua orang perempuan yang mempunyai hubungan mahram. Ia merangkumi pengharaman perkahwinan semasa iddah talak *raj’ī* sedang berjalan kepada salah seorang daripadanya<sup>14</sup>. Perkara ini sabit dengan firman Allah S.W.T:

*وَأَنْ تَجْمِعُوا بَيْنَ الْأَخْتَيْنِ*

*“Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu)”*

(Surah al-Nisā’ , 4: 23)

<sup>13</sup> Al-Bughā, Muṣṭafā et.al (1987), *al-Fiqh al-Manhajī ‘Ala Madḥhab al-Imām al-Shāfi‘ī*, j. 4, Dimashq: Dār al-Qalam, h. 29.

<sup>14</sup> Al-Zuhaylī, Waḥbah (1986), *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuhu*, J. 7, Dimashq: Dār al-Fikr, h. 164.

b. Diketahui dengan jelas semasa akad dilakukan.

Jika tidak diketahui akad perkahwinan dikira batal. Kerana objektif perkahwinan ialah mengetahui pasangan suami isteri samada dengan cara menyebut nama atau dengan menggunakan isyarat atau sifat-sifat yang membezakan isteri daripada perempuan-perempuan lain. Dengan itu jika seseorang menyatakan: Isteri anda ialah salah seorang daripada anak perempuan saya, hukumnya tidak sah. Sebaliknya jika seseorang menyatakan: Isteri anda ialah anak perempuan saya dan dalam masa yang sama lelaki yang mengucapkan perkataan itu, mempunyai seorang sahaja anak perempuan dan tidak mempunyai anak perempuan lain selainnya, hukumnya sah.

c. Tidak Berada Dalam *Ihrām*

Majoriti ulama berpendapat orang yang berada dalam *ihrām* haji atau umrah, tidak boleh berkahwin atau mengahwinkan orang lain. Jika dilakukan juga, perkahwinan tersebut adalah haram dan tidak sah.<sup>15</sup> Antara yang berpendapat demikian ialah Imam Mālik, al-Shāfi‘ī, Ahmad dan majoriti fuqaha’ dari kalangan sahabat dan tokoh-tokoh yang datang selepas mereka.<sup>16</sup> Ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan menerusi Uthmān bin ‘Affān r.a: Rasulullah S.A.W bersabda:

لَا ينكح المُحْرَمٌ وَلَا ينكحه

“Orang yang sedang dalam *ihrām* (haji atau umrah) tidak boleh berkahwin, tidak boleh dikahwini dan tidak boleh meminang”.<sup>17</sup>

## PERKAHWINAN-PERKAHWINAN YANG TIDAK SAH

Selain daripada yang disebutkan di atas, banyak lagi bentuk perkahwinan yang tidak sah yang telah dibahaskan oleh ulama dalam karya-karya mereka. Antaranya:

a. Perkahwinan Mut’ah

Perkahwinan mut’ah adalah perkahwinan kontrak untuk tempoh tertentu. Perkahwinan ini diharamkan berdasarkan hadis-hadis *mutawatir* daripada

<sup>15</sup> Ismā‘īl, Muhammad Bakr (1990), *al-Fiqh al-Wādīh Mina al-Kitāb Wa al-Sunnah ‘Ala al-Madhāhib al-Arba‘ah*, j. 1, al-Qāhirah: Dār al-Manār, h.89.

<sup>16</sup> Al-Nawāwī, Abū Zakariyā bin Sharāf (1987), *Sharḥ Sahīh Muslim*, j. 9, Bayrūt; Dār al-Qalam, h. 204.

<sup>17</sup> Muslim (2004), *op.cit*, “Kitab al-Nikah”, hadis no 1409, h. 658.

Rasulullah S.A.W<sup>18</sup>. Antaranya hadis yang diriwayatkan menerusi ‘Alī r.a yang diriwayatkan menerusi anaknya Muḥammad bin Ḥanafiah.

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَا عَنِ مَتْعَةِ النِّسَاءِ يَوْمَ خَيْرٍ وَعَنِ  
أَكْلِ لَحُومِ الْحَمْرِ الْإِنْسِيَّةِ

*“Rasulullah S.A.W melarang (umatnya) dari melakukan perkahwinan secara mut’ah dan memakan daging Himar Insiyyah (Keldai Kampung) pada masa peperangan Khaybar”.*<sup>19</sup>

Menurut Imām al-Nawawī pengharaman perkahwinan secara mut’ah telah diputuskan oleh seluruh sahabat, tabi’in dan juga ulama fiqh.<sup>20</sup>

b. Perkahwinan Tanpa Saksi

Hukum mengadakan saksi dalam satu-satu akad perkahwinan adalah wajib menurut majoriti ulama, kerana termasuk ke dalam kategori syarat sah nikah. Tanpa saksi perkawinan akan terbatal<sup>21</sup>. Rasulullah S.A.W bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan menerusi Aisyah r.a:

لَا نَكَاحٌ إِلَّا بُولِيٍ وَشَاهِدٍ عَدْلٍ وَمَا كَانَ مِنْ نَكَاحٍ عَلَىٰ غَيْرِ ذَلِكِ فَهُوَ  
بَاطِلٌ إِنْ تَشَاجِرُوا فَالسُّلْطَانُ وَلِيٌ مِنْ لَا وَلِيٌ لَهُ

*“Tidak sah perkahwinan kecuali dengan wali dan dua orang saksi yang adil. Jika satu-satu perkahwinan itu tidak disertai dengan wali dan dua saksi yang adil, ia adalah batal. Jika mereka berselisih, sultan adalah wali bagi orang yang tidak ada wali”.*<sup>22</sup>

<sup>18</sup> Al-Qurṭubī, Ibn Rushd (1986), *Bidāyah al-Mujtahid Wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, j. 2, Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, h. 57.

<sup>19</sup> Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘il (1991), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, “Kitab al-Maghazi”, hadis no 4215, j. 5, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 92.

<sup>20</sup> Al-Nawawī, Abu Zakāriyā bin Sharaf (t.t), *Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*, j. 16, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 254.

<sup>21</sup> Al-Khaṭīfī, Aḥmad Muḥammad (1983), *‘Uqūd al-Zawāj al-Fāsidah Fī al-Islām*, Ṭab‘ah al-Āmmah, h. 32. Ibn Rushd al-Qurṭubī (1986), *op.cit.*, j. 2, h. 68.

<sup>22</sup> Al-Fārisī, Alā’ al-Dīn bin ‘Alī bin Balban (1987), *al-Ihsān Bī Tartīb Ibn Hibbān*, “Kitab al-Waliyy”. Hadis no 4063, j. 5, t.p, h. 152. Hadis ini adalah hadis ḥasan Menurut Arnaut.

### c. Perkahwinan Dengan Perempuan Bukan Islam

Ulama sepakat lelaki Islam tidak boleh berkahwin dengan perempuan bukan Islam seperti penyembah berhala, bintang, menolak agama Islam dalam kehidupannya dan lain-lain.<sup>23</sup> Ini sesuai dengan firman Allah S.W.T:

وَلَا تُنْكِحُوا الْمُشْرِكَاتِ حَتَّىٰ يُؤْمِنَ وَلَا إِمَامٌ مُؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّنْ مُشْرِكٍ وَلَوْ  
أَعْجَبْتُمُوهُمْ وَلَا تُنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا وَلَعَبْدٌ مُؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّنْ مُشْرِكٍ  
وَلَوْ أَعْجَبْتُمُوهُمْ أُولَئِكَ يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ وَاللَّهُ يَدْعُو إِلَى الْجَنَّةِ وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ  
وَيَبْيَّنُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ

*“Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam); dan sesungguhnya seorang hamba perempuan yang beriman itu lebih baik daripada perempuan kafir musyrik sekalipun keadaannya menarik hati kamu. Dan janganlah kamu (kahwinkan perempuan-perempuan Islam) dengan lelaki-lelaki kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam) dan sesungguhnya seorang hamba lelaki yang beriman lebih baik daripada seorang lelaki musyrik, sekalipun keadaannya menarik hati kamu. (Yang demikian ialah kerana orang-orang kafir itu mengajak ke neraka sedang Allah mengajak ke Syurga dan memberi keampunan dengan izinNya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayatNya (keterangan-keterangan hukumNya) kepada umat manusia, supaya mereka dapat mengambil pelajaran (daripadanya) ”.*

(Surah al-Baqarah, 2: 221)

### d. Perkahwinan Dengan Perempuan Yang Masih Menjadi Isteri Orang

Haram kepada lelaki Islam mengahwini perempuan yang masih menjadi isteri orang, kerana suaminya mempunya hak ke atasnya<sup>24</sup>. al-Qur'an menjelaskan pengharaman ini dalam firman Allah S.W.T:

<sup>23</sup> Al-'Adawi, 'Abd al-Rahman (1986), *al-Mufid Fī al-Fiqh al-Islāmī- Aḥkām al-Zawā'*, al-Qāhirah: Dār al-Tibā'ah al-Muhammadiyyah, h. 175.

<sup>24</sup> *Ibid*, h. 131.

وَالْمُحْسَنَاتُ مِنِ النِّسَاءِ إِلَّا مَا مَلَكْتُ أَيْمَانُكُمْ كِتَابُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ

“Dan (diharamkan juga kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan isteri orang, kecuali hamba sahaya yang kamu miliki. (Haramnya segala yang tersebut itu) ialah suatu ketetapan hukum Allah (yang diwajibkan) atas kamu...”

(Surah al-Nisā’, 4: 24)

e. Perkahwinan Dengan Bekas Isteri Yang Dicerai Dengan Talak Tiga Dan Belum Berkahwin Dengan Suami Lain

Haram ke atas seseorang lelaki mengahwini semula bekas isterinya yang telah diceraikan dengan talak tiga dan bekas isterinya itu belum lagi berkahwin dengan suami baru dengan perkawinan yang lengkap dengan persetubuhan dan seterusnya suami baru itu menceraikannya semula tanpa dirancang terlebih dahulu.<sup>25</sup> Ini selaras dengan firman Allah S.W.T:

فَإِنْ طَلَقَهَا فَلَا تَحْلِلُ لَهُ مِنْ بَعْدِ حَتَّىٰ تَنْكِحَ زَوْجًا غَيْرِهِ فَإِنْ طَلَقَهَا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يَتَرَاجِعَا إِنْ ظَنَّا أَنْ يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ وَتِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ يُبَيِّنُهَا لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

“Sesudah (diceraikan dua kali), itu jika diceraikan pula (bagi kali yang ketiga) maka perempuan itu tidak halal lagi baginya sesudah itu, sehingga ia berkahwin dengan suami yang lain. Setelah itu kalau ia diceraikan (oleh suami baharu itu dan habis idahnya), maka mereka berdua (suami lama dan bekas isterinya) tidaklah berdosa untuk kembali (maskahwin semula), jika mereka kuat menyangka akan dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah dan itulah aturan-aturan hukum Allah, diterangkannya kepada kaum yang (mahu) mengetahui dan memahaminya”.

(Surah al-Baqarah, 2: 230)

f. Perkahwinan Dengan Isteri Yang Kelima

Menurut majoriti ulama seseorang lelaki yang telahpun mempunyai empat orang isteri, tidak boleh berkahwin dengan isteri yang ke lima kecuali setelah diceraikan salah seorang isteri yang ada dan iddah isteri itu pula telahpun habis.<sup>26</sup> Ini berdasarkan kepada firman Allah S.W.T:

<sup>25</sup> Al-Jazīrī, ‘Abd al-Rahmān (1986), *al-Fiqh ‘Ala al-Madhāhib al-Arbā’ah*, ed. 7, Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 77.

<sup>26</sup> Al-Nawawi (t.t), *op.cit*, j. 16, h. 244.

فَإِنْ كُحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مُثْنَى وَثَلَاثَ وَرُبَاعَ

“Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat...”

(Surah al-Nisā’, 4: 3)

Ayat di atas menjelaskan batasan bilangan isteri yang dibenarkan dalam Islam ialah empat orang sahaja dan tidak boleh lebih daripada itu. Ini diperkuatkan lagi dengan sebuah hadis yang diriwayatkan menerusi Qays bin al-Harth, katanya:

أَسْلَمْتُ وَعَنْدِي ثَمَانٌ نَسْوَةٌ فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ  
النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - اخْتَرْ مِنْهُنَّ أَرْبَعاً

“Saya memeluk Islam dalam keadaan memiliki lapan orang isteri. Saya menemui Rasulullah s.a.w dan memberitahu perkara tersebut kepada baginda S.A.W. Baginda bersabda: Pilihlah empat orang sahaja yang anda berkenan”.<sup>27</sup>

Walau bagaimanapun menurut Imām al-Shāfi‘ī seseorang lelaki boleh mengahwini isteri yang ke lima apabila salah seorang daripada isterinya diceraikan secara *talāq bā'in*, kerana perempuan yang berada dalam *talāq bā'in* telah terputus hubungan dengan bekas suaminya.<sup>28</sup>

#### g. Perkahwinan *Tahlīl*

Perkahwinan *Tahlīl* bermaksud perkahwinan yang dilangsungkan oleh seorang lelaki dengan seorang perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya dengan *talāq* tiga dengan tujuan membolehkan bekas suaminya berkahwin semula dengan bekas isterinya itu.<sup>29</sup> Syarak bukan sahaja melarang perkahwinan jenis ini, malah melaknat pelakunya. Ini dapat dilihat dalam hadis yang diriwayatkan menerusi Ibn Mas‘ūd r.a: Rasulullah S.A.W bersabda:

لَعْنَ اللَّهِ الْمَحْلُولِ وَالْمَحْلُولُ لَهُ

“Allah S.W.T melaknat perkahwinan *Muhallil*<sup>30</sup> dan *Muhallal*”.

<sup>27</sup> Abu Dāwūd bin Sulayman bin al-Ash‘ath al-Sajastānī (1981), *Sunan Abī Dāwūd*, “Kitāb al-Talāq”, hadis no 2241, j.2, Turki: Cagri Yayainlari, h. 677.

<sup>28</sup> Abū Zuhrah, Muḥammad (1975). *al-Ahwāl al-Shakṣiyah*, al-Qāhirah: Dār al-Fikr, h. 100.

<sup>29</sup> Al-‘Adawī (1986), *op.cit*, h. 219.

<sup>30</sup> *Muhallil* ialah orang tengah yang berkahwin dengan seseorang wanita yang telah

## PERKAHWINAN DENGAN PEREMPUAN YANG BERADA DALAM IDDAH

Perkahwinan dengan perempuan yang masih dalam iddah adalah juga termasuk ke dalam kategori perkahwinan yang tidak sah<sup>31</sup>, samada iddah kematian ataupun iddah *talāq raj'i*, kerana suami masih mempunyai hak untuk merujuk kembali. Larangan ini dapat dilihat dalam ayat 24 daripada Surah al-Nisā' di atas.

Selain daripada itu, juga sabit dengan firman Allah S.W.T yang memerintahkan seseorang isteri yang diceraikan oleh suaminya supaya beriddah sebanyak tiga kali suci.

وَالْمَطَّلَقَاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُونٍ

*“Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid)....”*

(Surah al-Baqarah, 2: 228)

Firman Allah S.W.T:

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَنْدِرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ  
وَعَشْرًا

*“Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (beridah) selama empat bulan sepuluh hari....”*

(Surah al-Baqarah, 2: 234)

Seorang lelaki yang berkahwin dengan seorang perempuan yang masih dalam iddah suaminya, dalam keadaan mengetahui perempuan yang diahwininya itu, masih dalam iddah, akad yang dilangsungkannya batal. Jika jahil, akadnya fasid dan tidak mempunyai apa-apa kesan. Tidak halal bagi suami melakukan persetubuhan dengan perempuan yang dikahwininya itu. Perempuan yang dikahwini itu pula tidak berhak mendapat nafkah, mahar dan juga tidak wajib menjalani iddah. Selain itu isteri tersebut juga tidak terlibat

---

diceraikan dengan talak tiga dengan tujuan menghalalkan semula perkahwinan wanita itu dengan bekas suaminya.

<sup>31</sup> *Ibid*, h. 241.

dengan pengharaman *muṣoharah* (pengharaman berkahwin disebabkan wujud kaitan perkahwinan) dengan mana-mana lelaki dari kalangan keluarga suami. Sekiranya persetubuhan telah berlaku, qadi hendaklah memisahkan mereka secara paksa.

Pasangan terlibat hendaklah berpisah serta merta dan jika enggan berpisah mahkamah hendaklah memisahkannya.

Jika telah berlaku persetubuhan, menurut Imām Abū Hanīfah dan dua orang muridnya iaitu Abū Yūsuf dan Muḥammad bin Ḥasan dan juga Imām al-Shāfi‘ī, mereka wajib dipisahkan sehingga selesai iddah perempuan terlibat dengan suami pertamanya terlebih dahulu. Sesudah itu baru halal berkahwin dengan lelaki tersebut.<sup>32</sup>

Bagi majoriti ulama persetubuhan yang dilakukan oleh lelaki itu, tidak mempunyai apa-apa kesan dari segi mengharamkan perkahwinan semula dengan perempuan tersebut setelah mereka dipisahkan dan setelah habis iddah perempuan itu dengan suami pertamanya.<sup>33</sup>

Ulama mazhab al-Shāfi‘ī menghukumkan wajib ke atas seseorang perempuan menjalani iddah apabila berlaku pembubaran perkahwinan kalau telah disetubuh tanpa mengira sama ada:

- a. Persetubuhan yang dilakukan sebelumnya melibatkan perkahwinan yang sah, *fāsid* atau persetubuhan syubhah.
- b. Persetubuhan itu berlaku pada masa yang halal iaitu suci atau haram iaitu ketika sedang haid dan berihram haji atau umrah.
- c. Pembubaran itu berlaku dengan cara *ṭalāq* atau *faskh* disebabkan kecacatan atau *li ‘ān*.
- d. Talak yang berlaku itu merupakan *talāq raj‘ī* mahupun *bā’in*.
- e. Lelaki yang menyetubuh itu sudahpun baligh atau belum, sihat ataupun gila, sukarela ataupun terpaksa, sekalipun melibatkan lelaki yang dikasi alat kelaminnya.
- f. Perempuan yang disetubuh hamil ataupun tidak.
- g. Perempuan yang disetubuh itu telah dewasa ataupun masih kanak-kanak.<sup>34</sup>

<sup>32</sup> Madkūr, Muhammad Salām (1978), *al-Wajīz Li Aḥkām al-Usrah Fī al-Islām*, al-Qāhirah: Dār al-Nahḍah, h. 97

<sup>33</sup> Al-Zuhaylī (1986), *op.cit.*, j. 7, hh. 147-148.

<sup>34</sup> Al-Zuhaylī, Muhammad (2007), *al-Mu’tamad Fī al-Fiqh al-Shāfi‘ī*, j. 4, Dimashq; Dār al-Qalam, h. 260.

Ini sesuai dengan firman Allah S.W.T dalam ayat 228 daripada surah al-Baqarah yang lalu dan juga dengan firman Allah S.W.T:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نَكْحَتُمُ الْمُؤْمَنَاتِ ثُمَّ طَلَقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوْهُنَّ  
فَمَا لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَّةٍ تَعْتَدُونَهَا

*“Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuhnya, maka tiadalah kamu berhak terhadap mereka mengenai sebarang iddah yang kamu boleh hitungkan masanya....”*

(Surah al-Ahzāb, 33: 49)

Dalam ayat di atas berdasarkan kepada kefahaman disebaliknya perempuan yang diceraikan yang belum pernah disetubuhi, tidak perlu menjalani apa-apa iddah, manakala yang telah disetubuhi hendaklah menjalani iddah, tanpa mengira apa bentuk pembubaran yang berlaku dalam perkahwinannya. Ulama mazhab al-Shāfi‘ī juga menghukumkan seseorang perempuan perlu menjalani dua iddah kalau melibatkan dua bentuk perkahwinan fasid dan dalam setiap perkahwinan itu pihak mahkamah telah memisahkannya daripada suaminya dan dalam setiap perkahwinan itu pula berlaku persetubuhan dengan suami.<sup>35</sup>

Antara hikmah syarak melarang perkahwinan dilangsungkan dengan perempuan yang berada dalam iddah ialah bagi mengenalpasti rahim perempuan itu benar-benar bersih daripada benih suami terdahulu. Jika tidak dapat dipastikan benar-benar rahimnya sudah bersih daripada benih suami terdahulu kemudian berlaku perkahwinan yang kedua pula, ia akan menyebabkan berlaku percampuran benih dan keturunan. Kerana itu larangan berkahwin dengan perempuan yang masih berada dalam iddah bertujuan menjaga hak suami yang terdahulu.<sup>36</sup>

<sup>35</sup> Al-Anṣārī, Abū Yaḥyā Zakariyā (t.t), *Fatḥ al-Wahhāb Sharḥ Minhāj al-Tullāb*, j. 2, Dār al-Fikr, h. 106.

<sup>36</sup> Zaydān, Abd al-Karīm (1993), *al-Muṣaṣal Fī Aḥkām al-Mar’ah Wa al-Bayt al-Muslimīn Fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, j. 9, Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah, h. 197.

## PEMBUBARAN PERKAHWINAN

Pembubaran dalam bahasa Arab diambil dari kata kerja *farrqa* yang diadun menjadi kata terbitan *tafrīq* yang bermaksud memisahkan<sup>37</sup>. Apabila disebut *farrqa bayna al-zawjayn* membawa maksudkan memisahkan pasangan suami isteri. Dari segi istilah *faraq* yang digunakan di dalam kitab-kitab fiqh membawa maksud pemisahan atau pembubaran perkahwinan samada melalui talak atau selainnya. Namun di dalam sistem perundangan Islam di Malaysia *faraq* digunakan bagi merujuk kepada sesuatu pembubaran perkahwinan bukan melalui talak.<sup>38</sup>

### Sebab-Sebab Yang Mengharuskan Pembubaran Perkahwinan

Perkahwinan antara seorang lelaki dengan seorang wanita tidak boleh dibubarkan dengan begitu mudah kecuali dengan sebab-sebab yang kukuh sahaja. Sebab-sebab itu pula berkait rapat dengan tuntutan pembubaran yang dilakukan oleh seseorang isteri atau walinya. Dengan kata lain kalau pihak isteri atau walinya tidak membuat tuntutan, pembubaran perkahwinan tidak boleh dilakukan. Antara sebabnya ialah:

- a. Tempat di mana suami berada tidak diketahui selama tempoh lebih daripada satu tahun.
- b. Suami cuai atau gagal mengadakan peruntukan nafkah untuk isterinya selama tempoh tiga bulan.
- c. Suami dihukum penjara selama tempoh tiga bulan.
- d. Suami tidak memberi nafkah batin kepada isteri selama tempoh satu tahun.
- e. Suami mengalami mati pucuk pada masa perkahwinannya dan masih lagi berada dalam keadaan tersebut dan isteri tidak tahu pada masa perkahwinannya yang suaminya telah mati pucuk.
- f. Suami gila selama dua tahun atau mengidap penyakit kusta atau vitiligo atau menghidap penyakit kelamin yang boleh berjangkit.

<sup>37</sup> Abū Jayb, Sa‘dī (1988), *al-Qāmūs al-Fiqhi Lughatan Wa Iṣṭilāḥan*, Dimashq: Dār al-Fikr, h. 284.

<sup>38</sup> Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985, Sek. 49 (1).

- g. Isteri yang dikahwinkan oleh bapa atau datuknya sebelum mencapai umur 16 tahun, menolak perkahwinan itu sebelum mencapai umur 18 tahun dan masih belum disetubuhi oleh suaminya.
- h. Suami menzalimi isteri seperti menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita atau suami berkawan dengan perempuan jahat, berperangai keji, memaksa isteri hidup secara lucah, melupuskan harta-harta isteri, melarang isteri menggunakan hartanya, menghalang isteri menunaikan kewajipan terhadap agama atau gagal berlaku adil jika mempunyai isteri lebih daripada seorang.
- i. Isteri masih belum disetubuhi walaupun tempoh selama empat bulan telahpun berlalu dan suami sengaja berbuat demikian.
- j. Isteri tidak reda dengan perkahwinannya atau reda tetapi tidak sah sama ada oleh sebab paksaan, kesilapan, ketidak sempurnaan akal atau lain-lain yang diakui syarak.
- k. Pada masa perkahwinan, isteri seorang pengidap sakit otak sama ada berterusan ataupun berselangan dan sakit otak yang dialaminya dari jenis yang tidak melayakkannya berkahwin.<sup>39</sup>

### **Pembubaran Perkahwinan *Fāsid***

Pembubaran perkahwinan di antara pasangan suami isteri wajib dilakukan dalam perkahwinan yang *fāsid*, kerana tidak harus sama sekali kepada pasangan terlibat meneruskan kehidupan suami isteri dalam perkahwinan tersebut. Pembubaran hendaklah dilakukan oleh kadi atau mahkamah atau dilakukan sendiri oleh pasangan telibat setelah mengetahui perkahwinan mereka adalah *fāsid* tanpa campurtangan daripada mahkamah.<sup>40</sup>

### **Prosedur Pembubaran Perkahwinan *Fāsid* Menurut Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Negeri Terengganu 1985**

Di Terengganu proses pembubaran perkahwinan hendaklah dilakukan melalui Mahkamah Syariah. Seksyen 10 Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Negeri Terengganu 1985 memperuntukkan sesuatu perkahwinan adalah tidak sah melainkan jika cukup semua syarat yang perlu mengikut hukum syarak untuk menjadikannya sah. Sekiranya sesuatu pernikahan itu ternyata *fāsid* atau batal seperti tersilap wali, tidak menepati rukun nikah

<sup>39</sup> *Ibid*, sek. 49 (1), h. 35.

<sup>40</sup> Zaydān (1993), *op.cit.*, j. 9, h. 133.

atau sebagainya, perkahwinan tersebut boleh dimohon untuk dibubarkan dan pasangan suami isteri tersebut dipisahkan. Permohonan untuk membubarkan sesuatu perkahwinan yang tidak sah, boleh dibuat oleh pasangan tersebut iaitu sama ada isteri atau suami, ibu bapa atau penjaga atau juga pejabat agama yang menyedari kesilapan atau kekhilafan yang berlaku. Beberapa perkara perlu disertakan semasa permohonan pembubaran sesuatu perkahwinan di Mahkamah Syariah ialah:

1. Permohonan
2. Afidavit sokongan
3. Salinan kad pengenalan
4. Sijil nikah
5. Surat pengesahan perkahwinan.<sup>41</sup>

Permohonan akan diproses dan kebiasaan dalam tempoh dua minggu, surat saman perbicaraan akan diserahkan kepada yang terlibat. Tarikh Perbicaraan kali pertama biasanya ditetapkan tidak lebih daripada satu bulan daripada tarikh permohonan dan perbicaraan kali pertama lebih berbentuk sebutan kes sahaja. Perbicaraan seterusnya bergantung kepada kehadiran dan kerjasama daripada pasangan atau pihak-pihak yang terlibat. Jika kerjasama daripada kedua belah pihak baik dan semua mereka hadir semasa majlis perbicaraan, kebiasaanannya keputusan sudahpun boleh dibuat oleh Hakim Syar'i yang membicarakan kes tersebut.<sup>42</sup>

### **Kes Pembubaran Perkahwinan Kerana Mengahwini Perempuan Dalam Iddah**

Kes-kes pembubaran perkahwinan di negeri Terengganu agak ketara. Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Pendaftar Mahkamah Syariah Daerah Kuala Terengganu, daripada tahun 2007 sehingga bulan Ogos 2009 sebanyak 5716 kes tuntutan pembubaran perkahwinan dilaporkan. Daripada jumlah ini tahun 2007 mencatatkan sebanyak 2419 kes, tahun 2008, 1440 kes dan tahun 2009 sehingga bulan Ogos, sebanyak 1857 kes, sebagaimana yang tertera dalam jadual 1 di bawah.

<sup>41</sup> Wawancara bersama Wan Mohd Zakri Wan Mohd, Pendaftar Mahkamah Syariah Kuala Terengganu, pada 8 September 2009.

<sup>42</sup> *Ibid.*

Pembubaran Perkahwinan Kerana Mengahwini Wanita Dalam Iddah  
Oleh Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu

Jadual 1: Kes Tuntutan Pembubaran Perkahwinan Bagi Tahun 2007-Ogos 2009 Di Negeri Terengganu

<b>Bil</b>	<b>Jenis Kes</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>Ogos 2009</b>	<b>Jumlah</b>
1	Tuntutan Fasakh	200	118	192	510
2	Tuntutan Pengesahan Perceraian	759	470	649	1878
3	Tuntutan Perceraian	1074	623	756	2453
4	Tuntutan Pengesahan Cerai Taklik	378	225	255	858
5	Permohonan Pengisytiharaan Pembubaran Perkara Kerana Pertukaran Agama	1	0	0	1
6	Tuntutan Khuluk/Tebus Talak	7	4	6	17
<b>Jumlah</b>		<b>2419</b>	<b>1440</b>	<b>1857</b>	<b>5716</b>

Sumber: Pendaftar Mahkamah Syariah Daerah Kuala Terengganu

Kes pembubaran perkahwinan kerana berlaku perkahwinan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang berada dalam iddah suami terdahulu, hampir-hampir tidak berlaku di negeri Terengganu. Sepanjang lima tahun (2004-2009) hanya dua kes sahaja yang berlaku. Itupun tidak melibatkan perkahwinan dengan perempuan dalam iddah isteri berdasarkan perkahwinan yang sah, sebaliknya berdasarkan kepada perkahwinan yang *fāsid* dan dibicarakan dalam kes tuntutan pengesahan perkahwinan sahaja. Tuntutan pengesahan perkahwinan dibuat kerana berbagai-bagai faktor, antaranya perkahwinan tanpa kebenaran mahkamah, perkahwinan di luar negara dan lain-lain, selain daripada perkahwinan kerana tidak mencukupi syarat sah perkahwinan. Negeri Terengganu mencatatkan lebih daripada 800 permohonan untuk mengesahkan perkahwinan, sebagaimana yang tertera dalam jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Permohonan Pengesahan Perkahwinan Daripada 2007-Ogos 2009 di Negeri Terengganu

<b>Bil</b>	<b>Jenis kes</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>Ogos 2009</b>	<b>Jumlah</b>
1	Pengesahan perkahwinan	358	293	173	824

Sumber: Pendaftar Mahkamah Syariah Kuala Terengganu

Walau bagaimanapun jumlah kes tuntutan pengesahan perkahwinan mengikut kategori yang dinyatakan di atas, tidak diperincikan oleh Pendaftar Mahkamah Syariah Kuala Terengganu. Walaupun kes pembubaran perkahwinan kerana mengahwini wanita yang masih berada dalam iddah suami, begitu kecil di negeri Terengganu, namun ia adalah sesuatu yang menarik untuk dikaji, kerana juga melibatkan hukum Allah yang sama sekali tidak boleh dipermainkan oleh seseorang Islam. Apalagi salah satu daripadanya pernah mendapat liputan meluas dalam akhbar tempatan dan media cetak yang lain, kerana melibatkan seorang pelakon dan pengarah filem terkenal tanah air.

### **Kes *Nor Radhiah Binti Ramli Lawan Aziz Bin Othman***

Salah satu daripada kes pembubaran perkahwinan kerana mengahwini perempuan yang masih berada dalam iddah suami terdahulu ialah kes *Nor Radhiah Binti Ramli Lawan Aziz Bin Othman*. Kes ini di bicarakan di dalam Mahkamah Tinggi Syariah Daerah Kuala Terengganu oleh Ketua Hakim Syar‘i, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu iaitu Dato’ Haji Ismail bin Yahya. Dalam kes ini pemohon Nor Radhiah binti Ramli telah berkahwin dengan Aziz bin Othman pada 16 Ogos 2008. Akad nikahnya telah dilakukan oleh bapa pemohon sendiri iaitu Ramli bin Yusuf di Masjid Kampong Padang Nenas, Kuala Terengganu. Surat perakuan nikah bagi akan nikah tersebut telah dikeluarkan kepada pasangan ini oleh pendaftar perkawinan, perceraian dan juga rujuk orang Islam Daerah Kuala Terengganu. Kes ini pada dasarnya tertumpu kepada permohonan yang dibuat oleh pemohon bagi menentukan samada akad nikah yang dilakukan di antaranya dengan Aziz bin Othman sah atau tidak menurut hukum syarak.<sup>43</sup>

Permohonan ini pada asalnya didaftarkan di dalam Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu pada 4 November 2008 dan telah ditetapkan untuk sebutan kali pertama pada 23 November 2008. Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Tuan Kamarul Azmi bin Ismail berpendapat kes ini wajar dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Syariah, Kuala Terengganu, kerana berdasarkan kepada alasan-alasan berikut;

- a. Kes yang melibatkan pemohon dan responden telah mendapat liputan yang meluas dari pelbagai pihak sebelum difailkan ke Mahkamah. Kerana itu ia memerlukan kepada penelitian yang khusus dan sewajarnya

<sup>43</sup> Dato’ Haji Ismail bin Yahya (2009), *Permohonan Mengesahkan Akad Nikah Perkahwinan No: 11300-010-0031-2008*, Kuala Terengganu: Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu, hh. 1-2.

berkaitan dengan isu-isu yang timbul. Mahkamah Tinggi Syariah lebih berupaya untuk menentukan isu-isu yang dibangkitkan tersebut.

- b. Kes ini juga melibatkan beberapa pihak yang lain, antaranya pihak yang menguruskan permohonan untuk mendapatkan kebenaran berkahwin, pihak yang mengeluarkan kebenaran berkahwin dan pihak yang melaksanakan akad perkahwinan. Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa yang luas berbanding dengan Mahkamah Rendah Syariah kerana melibatkan beberapa perkara yang termasuk ke dalam bidangkuasanya seperti perintah Interim, Perintah Ex-parte dan perintah Injuki.
- c. Hakim Bicara juga pernah mendengar kes yang melibatkan pemohon sebelum ini. Berdasarkan kepada subseksyen 89 (1) dan (2) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, adalah lebih senang pada pandangan Hakim Bicara, prosiding kes ini dibicarakan di Mahkamah lain dan adalah satu keputusan terbaik kalau dipindahkan kepada Mahkamah Tinggi Syariah.<sup>44</sup>

Keputusan yang diambil oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu itu adalah munasabah, menepati peruntukan undang-undang dan juga selaras dengan hukum syarak. Seksyen 89 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan, antara lain:

- (1) Jika hakim mana-mana Mahkamah berpuas hati bahawa mana-mana prosiding dalam Mahkamah itu boleh dengan lebih senang atau adil dibicarakan di dalam suatu Mahkamah yang lain, maka dia boleh memerintahkan supaya prosiding itu dipindahkan ke Mahkamah yang lain itu.
- (2) Apa-apa pemindahan mana-mana prosiding di bawah subseksyen (1) boleh dibuat oleh Hakim atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak melalui notis.

Dalam penghujahannya antara yang ditekankan oleh Hakim Mahkamah Tinggi ialah keterangan yang dikemukakan oleh pemohon sama ada secara lisan, melalui afidavit mahupun keterangan dokumen, semasa memohon kepada pendaftar perkahwinan, perceraian dan rujuk orang Islam Daerah Kuala Terengganu, adalah palsu dan tidak benar, kerana pemohon membuat ikrar yang dirinya adalah seorang anak dara, tidak menjadi isteri sesiapa dan juga tidak berada dalam iddah sesiapa. Borang berkenaan telah ditandatangani oleh pemohon pada 16 Ogos 2008. Sedangkan pada hari Isnin 28 Julai

---

<sup>44</sup> *Ibid*, h. 3.

2008 sebelum itu, pemohon pernah memohon kepada Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu untuk menentukan sah atau tidak perkahwinannya dengan suaminya yang pertama bernama Engku Ahmad Hisham bin Engku Abdullah.<sup>45</sup>

Dalam perbicaraan kes tersebut, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu telah membuatkan keputusan berikut:

- a. Mensabitkan akad perkahwinan yang dilangsungkan oleh pemohon dengan responden adalah akad yang *fāsid* dan tidak sah mengikut hukum syarak, kerana juru nikahnya Tuan Haji Ibrahim bin Wan Nawan telah melakukan akad perkahwinan di luar daripada bidangkuasa istikhlasnya, kerana akad tersebut sebenarnya dilakukan di Pengkalan Kubur dan bukannya dalam Wilayah Narathiwat, Thailand.
- b. Mensabitkan perkahwinan yang berlaku di antara pemohon dengan responden tidak dapat diiktiraf dari segi undang-undang iaitu di bawah seksyen 10 dan 107(1) Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985.
- c. Mensabitkan persetubuhan yang telah berlaku antara pemohon dengan responden sejak mula diakadnikahkan pada 4 April 2008 sehingga ke tarikh perintah sabitan tidak sah nikah oleh Mahkamah pada 28 Julai 2008 sebagai persetubuhan syubhah (*Waṭ'i Syubhah*).
- d. Memerintahkan supaya surat keterangan Nikah dan Ta'liq yang dikeluarkan oleh Majlis Hal Ehwal Agama Islam Wilayah Narathiwat, Thailand dan lain-lain dokumen mengenai perkahwinan tersebut, diserahkan kepada Mahkamah untuk urusan pembatalan.
- e. Memerintahkan pemohon berpisah serta merta daripada responden sebagai suami isteri dari tarikh sabitan tidak sah nikah pemohon dan responden dibuat oleh Mahkamah.

Pemohon tidak mengemukakan perintah Mahkamah Rendah Syariah di atas semasa mengemukakan permohonan untuk berkahwin dengan responden, sebaliknya membuat perakuan yang dirinya adalah anak dara dan tidak menjadi isteri kepada sesiapa sebagaimana yang dinyatakan di atas.<sup>46</sup>

Hakim Mahkamah Tinggi Syariah berpendapat dalam kes perempuan melakukan persetubuhan syubhah kerana menganggap perkahwinannya sebagai sah menurut hukum syarak, wajib ke atas perempuan terlibat menjalani

<sup>45</sup> *Ibid*, h. 11.

<sup>46</sup> *Ibid*, h. 13.

iddah, kerana berhujah dengan pandangan seorang tokoh ulama terkenal dari Syria iaitu Muḥammad al-Zuhaylī<sup>47</sup> sebagaimana yang disebutkan dalam perbahasan sebelum ini. Dengan itu pemohon sepatutnya menjalani iddah bermula dari tarikh sabitan perkahwinannya tidak sah. Iddah ke atas pemohon kerana berlakunya persetubuhan syubhab dengan suami pertamanya Engku Ahmad Hisham bin Engku Abdullah, sepatutnya bermula dari hari Isnin 28 Julai 2008, bersamaan dengan 25 Rejab 1429 Hijriyah. Jenis pembubaran perkahwinan yang berlaku ke atas pemohon dengan suami pertamanya ialah *bā'in ṣughra* iaitu pembubaran yang tidak boleh rujuk semula. Namun begitu pasangan ini boleh berkahwin semula melalui akad nikah yang baru yang memenuhi rukun-rukun dan syarat-syarat nikah, jika mereka mahu selepas berakhir iddah. Iddah yang sepatutnya dijalani oleh pemohon ialah sebanyak tiga kali suci iaitu dikira selepas datangnya kitaran haid kali yang ke tiga. Ini kerana ia melibatkan persetubuhan yang tidak menyebabkan kehamilan.<sup>48</sup>

Ini bermakna mulai 28 Julai 2008, pemohon tidak boleh melangsungkan akad nikah dengan mana-mana lelaki selain daripada suami pertamanya sahaja iaitu Engku Ahmad Hisham bin Engku Abdullah sehingga benar-benar tamat tempoh iddahnya. Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu yang mengendalikan kes pembubaran pemohon walau bagaimanapun tidak pula memerintahkan supaya pemohon menjalani iddah dan tidak juga menyebut tarikh pemohon perlu mula menjalani iddah itu. Sepatutnya setelah memutuskan perkahwinan pemohon tidak sah dan pasangan tersebut perlu berpisah serta-merta, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu perlu memerintahkan pemohon menjalani iddah bermula daripada tarikh pembubaran perkahwinannya dilakukan. Namun keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu tetap sah. Cuma tidak lengkap kerana tidak disertai dengan perintah menjalani iddah ke atas pemohon bermula dari tarikh mereka dipisahkan oleh Mahkamah.

Jika pemohon mengemukakan perintah Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu itu, semasa permohonan untuk mendapatkan kebenaran berkahwin dengan responden Aziz bin Othman, sudah tentu persoalan tidak tahu status dirinya tidak akan timbul. Selain daripada itu, isu pemohon terkeliru dengan keputusan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu juga tidak akan timbul.<sup>49</sup>

<sup>47</sup> Muḥammad al-Zuhaylī (2007), *op. cit*, j. 4, h. 270.

<sup>48</sup> *Ibid*, j. 4, h. 262.

<sup>49</sup> Dato' Ismail bin Yahya (2009), *op.cit*, h. 22.

Ketika menghuraikan tentang calon isteri yang boleh dikahwini oleh seseorang lelaki, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu, memutuskan dia mestilah bersih daripada tiga perkara:

- a. Tidak ada sebarang halangan untuk calon isteri berkahwin
- b. Calon isteri hendaklah diketahui dengan jelas orangnya
- c. Calon isteri tidak berada dalam ihram haji atau umrah.<sup>50</sup>

Antara bentuk halangan tersebut ialah calon isteri berada dalam iddah suami terdahulu. Ini selaras dengan firman Allah S.W.T:

وَلَا تَعْزِمُوا عُقْدَةَ النِّكَاحِ حَتَّىٰ يَلْعَلَّ الْكِتَابُ أَجَلَهُ

“...Dan janganlah kamu menetapkan dengan bersungguh-sungguh (hendak melakukan) akad nikah sebelum habis iddah yang ditetapkan itu...”

(Surah al-Baqarah, 2: 235)

Firman Allah S.W.T lagi:

وَالْمَطْلَقَاتُ يَرْبَصْنَ بِأَنفُسِهِنَّ ثَلَاثَةٌ قُرُونٌ

“Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid)...”

(Surah al-Baqarah, 2: 228)

Semasa akad nikah pemohon dengan responden Aziz bin Othman dilangsungkan pada 16 Ogos 2008, pemohon masih belum tamat tempoh iddah. Ini bermakna syarat calon isteri yang sepatutnya bersih daripada sebarang iddah daripada perkahwinan terdahulu, telah tidak dipatuhi, sedangkan ia melibatkan rukun nikah. Apabila syarat yang melibatkan rukun nikah tidak dipatuhi, bermakna akan nikah itu sendiri tidak sempurna. Sekaligus menyebabkan akad nikah yang dilangsungkan dengan responden tidak sah menurut hukum syarak dan juga menyalahi seksyen 25 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 1985 yang memperuntukkan antara lain:

“Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap orang untuk melaporkan kepada pendaftar tentang hal keadaan sesuatu kes dalam mana dia berpendapat bahawa sesuatu perkahwinan adalah

---

<sup>50</sup> Muhammad al-Zuhaylī (2007), *op. cit*, j. 4, h. 58.

*tak sah atau sesuatu perkahwinan yang kena didaftarkan telah diakadnikahkan bersalahan dengan Enakmen ini”.*<sup>51</sup>

Selain daripada itu dalam seksyen 10 Enakmen Undang-Undang Keluarga Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu 1985) memperuntukkan antara lain:

*“Sesuatu perkahwinan adalah tak sah melainkan jika cukup semua syarat yang perlu, menurut hukum syara’, untuk menjadikannya sah”.*

Dalam perkahwinan yang dilangsungkan pada 16 Ogos 2008 itu pula Mahkamah mendapati pemohon telah melakukan persetubuhan dengan responden. Persetubuhan yang berlaku ini telah menyebabkan timbul beberapa hukum yang diputuskan oleh Mahkamah sebagai berikut:

- a. Persetubuhan antara pemohon dengan responden dalam akad nikah yang tidak sah itu adalah persetubuhan syubhah atau *waṭ'i syubhah*.
- b. Perkahwinan mereka dibubarkan dan pasangan tersebut dikehendaki berpisah serta-merta.
- c. Tarikh pembubaran perkahwinan dan pemisahan bermula dari tarikh sabitan nikah tersebut tidak sah iaitu pada 8 Februari 2009.
- d. Akibat berlaku sabitan persetubuhan syubhah dan perintah pembubaran perkahwinan, pemohon diwajibkan menjalani iddah *talāq bā'in ṣughrā*.
- e. Mengikut koronologi kes, berlaku berturutan iddah bagi pemohon.
- f. Pemohon dikehendaki menjalani iddah selama tiga kali suci dalam iddah *talāq bā'in ṣughrā* mulai 28 Julai 2008 bagi perkahwinan pertama yang tidak sah dengan Engku Ahmad Hisham bin Engku Abdullah dan kemudian menjalani iddah sebanyak tiga kali suci juga dalam iddah *talāq bā'in ṣughrā* bagi perkahwinan yang tidak sah dengan responden Aziz bin Othman, setelah tempoh iddah yang pertama berakhir.<sup>52</sup>

Bagi keputusan (f) di atas Mahkamah mendasarkannya kepada keterangan yang terdapat dalam *Fatḥ al-Wahhāb* oleh Zakariyā al-Anṣārī, yang antara lain menjelaskan:

*“Seumpama seorang perempuan yang berada dalam iddah suaminya atau iddah dari persetubuhan syubhah, kemudian disetubuh pula oleh lelaki lain dengan persetubuhan yang*

<sup>51</sup> Dato' Yahya bin Ismail (2009), *op.cit*, h. 27.

<sup>52</sup> *Ibid*, hh. 25-26.

*juga syubhab seperti berlaku akad nikah fāsid atau seorang perempuan menjalani iddah kerana persetubuhan kemudian dijatuhkan talak oleh suaminya, untuk menjaga hak iddah yang berbilang-bilang, ia dihukum sebagai tidak termasuk ke dalam ertikata percampuran iddah, sebaliknya lebih dikenali dengan nama berturutan iddah iaitu yang terlibat dikehendaki menjalani satu demi satu iddah di atas dengan sempurna”<sup>53</sup>*

Selain daripada itu, Mahkamah juga memerintahkan pemohon dan Responden melaporkan kepada Pendaftar Perkahwinan, Perceraian Dan Ruju' Orang Islam Daerah Kuala Terengganu tentang sabitan tidak sah akad nikah antara pemohon dengan Responden Aziz bin Othman yang berlangsung pada 16 Ogos 2008.

Berdasarkan kepada keterangan di atas dapat dinyatakan Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu telah melakukan tindakan yang baik apabila menyerahkan kes perbicaraan Kes *Nor Radhiah Binti Ramli Lawan Aziz Bin Othman*, kepada Hakim Syar'i Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu, kerana berada dalam bidang kuasanya, manakala Hakim Syar'i Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu pula telah berjaya menyelesaikan kes di atas dengan baik. Walau bagaimanapun kecuaian Hakim Syar'i Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu dalam memerintahkan responden menjalani iddah serta merta setelah mensabitkan perkahwinan dengan suami yang pertama, tidak sah, adalah sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku, terutama sekali dalam kes perceraian, yang mana keperluan pihak isteri untuk menjalani iddah sudahpun makruf diketahui dan perintah untuk berbuat demikian sepatutnya dilakukan pada hari keputusan perbicaraan dibuat. Ia sekaligus meletakkan keputusan yang dibuat oleh Hakim Syar'i Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu itu sebagai tidak lengkap mengikut prosedur dan amalan Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu, walaupun dari segi hukumnya sudah dikira sah. Kecuaian seumpama ini perlu diberi perhatian supaya kes-kes yang sama tidak berulang pada masa akan datang, bagi menjaga kredibiliti Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu itu sendiri.

Sebagai seorang Islam, responden tidak sepatutnya melangsungkan perkahwinan dengan Aziz bin Othman, kerana dia memang mengetahui dirinya berada dalam iddah dari suami pertamanya walaupun perkahwinan tersebut diputuskan oleh Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu sebagai tidak sah, kerana walaupun tidak sah, Hakim Syar'i Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu telah mensabitkan berlaku persetubuhan antara beliau dengan bekas suaminya itu. Ini menunjukkan responden sendiri memperakui

---

<sup>53</sup> Al-Anṣārī (t.t), *op.cit*, j. 2, h. 106.

dia telah melakukan persetubuhan dengan bekas suaminya itu semasa sesi perbicaraan dalam mahkamah, sehingga membolehkan Hakim Syar'i membuat keputusan tersebut. Perbuatan berkahwin sebelum habis iddah suami terdahulu dilarang di dalam Islam. Firman Allah S.W.T:

وَالْمَطْلَقَاتُ يَتَرَكَّصُنَّ بِأَنفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ وَلَا يَحْلُّ هُنَّ أَن يَكْتُمْنَ مَا خَلَقَ  
الله في أرحامهن إن كن يؤمنن بالله واليوم الآخر وبعونتهن أحق بردهن  
في ذلك إن أرادوا إصلاحاً وهن مثل الذي عليهن بالمعروف وللرجال  
عليهن درجة والله عزيز حكيم

"Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid). Dan tidaklah halal bagi mereka menyembunyikan (tidak memberitahu tentang) anak yang dijadikan oleh Allah dalam kandungan rahim mereka, jika betul mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat. Dan suami-suami mereka berhak mengambil kembali (rujuk akan) isteri-isteri itu dalam masa idah mereka jika suami-suami bertujuan hendak berdamai. Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak); dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjah kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya). Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana".

(Surah al-Baqarah, 2: 228)

Dalam kes di atas Aziz bin Othman tidak melakukan kesalahan apa-apa kerana berkahwin dengan responden, kerana beliau tidak mengetahui responden masih berada dalam iddah suami pertamanya, lebih-lebih lagi dalam borang permohonan perkahwinan dengan beliau responden mencatatkan yang beliau seorang anak dala. Kemungkinan besar jika mengetahuinya, beliau tidak akan membuat keputusan untuk berkahwin dengan responden. Begitu juga persetubuhan yang dilakukan dengan responden, tidak mengundang apa-apa dosa dan sama sekali tidak boleh dikaitkan dengan perzinaan, sebaliknya lebih berbentuk persetubuhan syubhab sahaja. Dalam Islam sesuatu tindakan yang dilakukan dalam keadaan tidak tahu, terlupa, dipaksa, tersalah dan seumpamanya adalah dimaafkan dan tidak mendatangkan sebarang dosa.

Sabda Rasulullah S.A.W dalam hadis yang diriwayatkan menerusi Abū Dhar al-Ghfārī r.a:

إِنَّ اللَّهَ تَحْاوِزُ عَنْ أَمْتِي الْخَطَأِ وَالنِّسَانِ وَمَا اسْتَكْرَهُوا عَلَيْهِ

*“Sesungguhnya Allah memaafkan umatku terhadap sesuatu yang dilakukan secara tersalah, terlupa dan yang dipaksa”.*<sup>54</sup>

Walau bagaimanapun ia tetap memberi pengajaran kepada kaum lelaki supaya berhati-hati dalam memilih kaum wanita untuk dijadikan isteri agar tidak tertipu, kerana pembinaan keluarga dalam Islam mempunyai matlamat dan objektif yang suci sebagaimana yang digariskan sebelum ini. Rasulullah S.A.W pernah menggesa al-Mughīrah bin Shu‘bah supaya melihat betul-betul bakal isteri yang hendak dikahwininya dan menyiasat latar belakangnya, bagi menjamin keberkekalan rumahtangga yang bakal dibina. Sabda baginda S.A.W:

انظِرْ إِلَيْهَا فَإِنَّهُ أَحَدٌ يُؤْدِمُ بَيْنَكُمْ

*“Lihatlah kepadanya kerana ia lebih mampu mengekalkan hubungan antara anda berdua”.*<sup>55</sup>

## KESIMPULAN

Islam menggalakkan perkahwinan kerana merupakan sebahagian daripada sunnah Rasulullah S.A.W dan orang yang tidak berkahwin bererti tidak mengikut sunnah baginda S.A.W. Sabda Rasulullah S.A.W dalam hadis yang diriwayatkan menerusi Anas bin Mālik r.a:

وَاللَّهُ إِنِّي لاأَخْشَاكُمْ اللَّهَ وَأَنْتَمْ لِهِ، لَكُنِّي أَصُومُ وَأَفْطُرُ، وَأَصْبِلُ وَأَرْقُدُ،  
وَأَتَرْوَجُ النِّسَاءَ، فَمَنْ رَغِبَ عَنْ سُتْرِي فَلَيْسَ مِنِّي

*“Demi Allah sesungguhnya saya adalah orang yang paling takut kepada Allah dan paling bertakwa kepadaNya. Saya berpuasa tetapi berbuka. Saya menunaikan solat malam tetapi mencari ruang untuk tidur dan saya juga mengahwini perempuan. Sesiapa*

<sup>54</sup> Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī al-Ma‘rūf (1981), *Sunan Ibn Mājah*, “Kitāb al-Talāq”, hadis no. 2043, j. 1, Turki: Cagri Yayınlari, h. 659.

<sup>55</sup> Al-Tirmidhī, Abū ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Sūrah (1981), *Sunan al-Tirmidhī*, “Kitāb al-Nikāh,” hadis no. 1087, j. 3, Turki: Cagri Yayınlari, h. 397.

*yang enggan menurut Sunnahku, sesungguhnya bukan dari kalanganku”.*<sup>56</sup>

Namun begitu perkahwinan seseorang lelaki dengan seseorang perempuan yang masih berada dalam iddah suaminya yang bukan *talāq bā'in kubrā*, adalah perkahwinan yang tidak sah, kerana merupakan perkahwinan yang *fāsid* disebabkan calon isteri masih ada halangan untuk melangsungkan perkahwinan iaitu masih dalam iddah perkahwinan terdahulu dan sepatutnya menghabiskan iddah tersebut terlebih dahulu.

Pasangan ini dikehendaki berpisah serta merta jika mereka mengetahuinya atau dibubarkan oleh Mahkamah jika mereka tidak mengetahuinya atau enggan berpisah. Setelah berpisah isteri dikehendaki menjalani iddah sebanyak tiga kali suci, jika telah berlaku persetubuhan dalam perkahwinan itu, walaupun persetubuhan tersebut tidak dikira sebagai zina sebaliknya lebih berbentuk persetubuhan syubhah. Jika berlaku dua kali perkahwinan *fāsid* dan dalam setiap perkahwinan itu isteri disetubuhi oleh suaminya, isteri wajib menjalani dua bentuk iddah iaitu iddah suami yang pertama dan setelah selesai iddah suami yang pertama, memulakan pula iddah suami yang kedua.

Berhubung dengan kes pembubaran perkahwinan kerana seorang lelaki berkahwin dengan perempuan yang berada dalam iddah suami terdahulu di Negeri Terengganu, jumlahnya sedikit sekali, bahkan tidak sampai 1 peratus daripada kes-kes pembubaran perkahwinan yang dikendalikan oleh Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu dan Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu. Ia pula dimasukkan ke dalam kes tuntutan pengesahan perkahwinan biasa sahaja.

Dalam melaksanakan pembubaran perkahwinan kerana mengahwini perempuan yang masih berada dalam iddah suami terdahulu, Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu mendasarkannya kepada pandangan ulama madhab al-Shāfi‘ī seperti Zakariyā al-Anṣārī dalam *Fatḥ al-Wahhāb*. Muḥammad al-Zuhaylī dalam *al-Mu’tamad* dan lain-lain. Juga berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan sedia ada yang terdapat dalam Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985. Antaranya sebagaimana berikut:

- a. Mengesahkan terlebih dahulu samada *fāsid* atau tidak, perkahwinan terdahulu.
- b. Jika perkahwinan tersebut adalah *fāsid*, Mahkamah akan memerintahkan pasangan terlibat supaya berpisah serta merta.

---

<sup>56</sup> Al-Bukhārī (1991), *op.cit*, “Kitāb al-Nikāḥ”, hadis no 5063, j.6, h. 142.

- c. Setelah itu Mahkamah akan mengesahkan adakah berlaku persetubuhan dalam perkahwinan itu atau tidak.
- d. Jika berlaku persetubuhan, Mahkamah akan memerintahkan pihak perempuan menjalani iddah sebanyak tiga kali suci daripada tarikh sabitan kes tidak sah perkahwinan.
- e. Mahkamah akan memerintahkan akad perkahwinan yang tidak sah itu dilaporkan kepada Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Daerah Kuala Terengganu.

## RUJUKAN

- 'Adawi, 'Abd al-Rahmān al- (1986), *al-Muṣṭid Fī al-Fiqh al-Islāmī- Aḥkām al-Zawā'. al-Qāhirah: Dār al-Tibā'ah al-Muhammadiyyah.*
- Abd al-Karīm Zaydān (1993), *al-Muṣaṣal Fī Aḥkām al-Mar'ah Wa al-Bayt al-Mulimin Fī al-Shari'ah al-Islāmiyyah*, j. 9, Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah.
- Abū Dāwūd bin Sulayman bin al-Ash'ath al-Sajastānī (1981), *Sunan Abī Dāwūd*, j.2, Turki: Cagri Yayainlari.
- Abū Jayb, Sa'dī (1988), *al-Qāmūs al-Fiqhi Lughatan Wa Iṣtilāhan*, Dimashq: Dār al-Fikr.
- Abū Zuhrah, Muhammad (1975), *al-Ahwāl al-Shakṣiyah*, al-Qāhirah: Dār al-Fikr.
- Anṣārī, Abū Yaḥyā Zakariyā, al- (t.t), *Fatḥ al-Wahhāb Sharah Minhāj al-Tullāb*, j. 2, Dār al-Fikr.
- Bājūrī, Ibrāhīm al- (t.t), *Hāshiyah al-Bājuri 'Ala ibn Qāsim al-Ghizzī*, j. 2, Indonesia: Maktabah Dahlan.
- Basri bin Ibrahim (1997), *Pemantapan Sistem Kekeluargaan*, Kuala Lumpur: Darul Nukman.
- Bughā, Muṣṭafā al- (1987), *al-Fiqh al-Manhajī 'Ala Madhab al-Imām al-Shāfi'i*, j. 4, Dimashq: Dār al-Qalam.
- Bukhārī, Muhammad bin Ismā'il al- (1991), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, "Kitab al-Maghazi", hadis no 4215, j. 5, Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Dato' Haji Ismail bin Yahya (2009), *Permohonan Mengesahkan Akad Nikah Perkahwinan No: 11300-010-0031-2008*. Kuala Terengganu: Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu.
- Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu 1985, Sek. 49 (1).

Pembubaran Perkahwinan Kerana Mengahwini Wanita Dalam Iddah  
Oleh Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu

- Fārisī, Alā' al-Dīn bin 'Alī bin Balban al- (1987), *al-Ihsān Bi Tartīb Ibn Hibbān*, j. 5. T.P.
- Ibni Mājah, Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī (1981), *Sunan Ibn Mājah*, j. 1, Turki: Cagri Yayinlari.
- Ismā'īl, Muḥammad Bakar (1990), *al-Fiqh al-Wāḍīḥ Minā al-Kitāb Wa al-Sunnah 'Ala al-Mazāhib al-Arba'ah*, j. 1, al-Qāhirah: Dār al-Manār.
- Jazā'irī, Abū Bakr Jābir al- (1978), *Minhāj al-Muslim*, Iskandariyyah: Dār 'Umar bin al-Khaṭṭāb.
- Jazīrī , 'Abd al-Rahmān al- (1986), *al-Fiqh 'Alā al-Mazāhib al-Arba'ah*, ed. 7, Bayrūt: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī.
- Khalīfī, Aḥmad Muḥammad al- (1983), 'Uqūd al-Zawāj al-Fāsidah Fī al-Islām, Ṭab'ah al-'Āmmah.
- Muḥammad 'Alī Qutb (1988), *Mutiara Perkahwinan*, Taib Azamudin et.al (terj.), Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abd Majid.
- Muḥammad Salām Madkūr (1978), *al-Wajīz Li Aḥkām al-Usrah Fī al-Islām*, al-Qāhirah: Dār al-Nahdah.
- Muslim, Muslim bin Hajjāj al-Naysabūrī (2004), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Bayrut: Dār al-Fikr Li al-Nashri wa al-Tibā'ah.
- Nawāwī, Abū Zakariyā bin Sharaf al- (1987), *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 9, Bayrūt; Dār al-Qalam.
- Nawawī, Abū Zakariyā bin Sharaf al- (t.t), *Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*, j. 16, Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Qurṭubī, Ibn Rushd al- (1986), *Bidāyah al-Mujtahid Wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, j. 2, Bayrūt: Dār al-Ma'rifah.
- Sayyīd, Sābiq al- (t.t), *Fiqh al-Sunnah*, j. 3, al-Qāhirah: Dār al-Turāth al-'Arabī.
- Shaltūt, Maḥmūd (t.t), *al-Islām Sharī'atan Wa 'Aqīdatan*, al-Qāhirah: Dār al-Qalam.
- Sharbīnī, Muḥammad Khaṭīb al- (t.t), *Mughnī al-Muhtāj Ila Ma 'rifah Ma'āni Alfāz al-Minhāj*, j. 3, Dār al-Fikr.
- Sharqāwī , 'Abd Allāh bin Hijāz bin Ibrāhīm al- (t.t), *Hāshiyah al-Sharqāwī*, J. 2, Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Tirmidhī, Abū 'Isā Muḥammad bin 'Isā bin Sūrah al- (1981), *Sunan al-Tirmidhī*, j. 3, Turki: Cagri Yayinlari.
- Wawancara bersama Wan Mohd Zakri bin Wan Mohd, Jabatan Kehakiman Syariah Kuala Terengganu, 8 September 2009 Jam 10.00 pagi.

Zuhaylī, Muḥammad al- (2007), *al-Mu‘tamad Fī al-Fiqh al-Shāfi‘ī*, j. 4, Dimashq; Dār al-Qalam.

Zuhaylī, Wahbah al- (1986), *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuhu*, j. 7, Dimashq; Dār al-Fikr.